

- 1 Nilai digit bagi digit 8 dalam nombor yang manakah ialah 8 000?

A 84 942
B 75 851
C 68 204
D 59 783

- 2 Dalam nombor 53 967, apakah nilai tempat bagi digit 5?

A Puluh ribu
B Ribu
C Ratus
D Puluh

- 3 Nombor yang manakah apabila dicerakinkan mengikut nilai tempat ialah 3 ribu + 8 sa + 6 puluh ribu + 7 puluh?

A 63 780
B 63 708
C 63 087
D 63 078

- 4 Rajah di bawah menunjukkan empat keping kad nombor yang diberi kepada empat orang murid.

43 551	37 452	40 671	37 860
--------	--------	--------	--------


Siti mendapat nombor yang paling kecil. Apakah nombor yang diperolehnya?

A 43 551
B 40 671
C 37 860
D 37 452

- 5 Bundarkan 64 899 kepada ribu yang terdekat.

A 70 000
B 65 000
C 64 000
D 60 000

- 6 Rajah di bawah menunjukkan dua balang gula-gula.



Anggarkan bilangan gula-gula di dalam balang B.

A 200
B 300
C 400
D 500

- 7 Rajah di bawah menunjukkan satu urutan nombor yang mengikut pola tertentu.

64 253	64 453	X	64 853
--------	--------	---	--------

Apakah nilai X?

A 64 454
B 64 553
C 64 653
D 64 663

8



Nombor P menjadi 18 000 apabila dibundarkan kepada ratus yang terdekat.

Berdasarkan rajah di atas, apakah nombor P yang mungkin?

A 17 800
B 17 975
C 18 313
D 18 974